

ANUGERAH IBU TERBAIK BANGSA

Anak sebak terima bagi pihak Maznah

➔ Keluarga terharu jasa 'Iron Lady' dikenang parti

► Kuala Lumpur

atas penghargaan yang diberikan kepada Allahyarham yang juga bekas Ketua Wanita UMNO Bahagian Jerlun, Kedah.

"Kami akan meneruskan kesinambungan arwah mak dalam memperjuangkan UMNO dan perniagaan. Mak selalu pesan, walau apa pun berlaku, jangan lupa tolong orang, terutama orang kampungnya," katanya.

Maznah, 62, meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN) pada 4 Oktober lalu, selepas mengalami komplikasi injap jantung.

Yang turut menerima anugerah pada majlis berkenaan ialah waris Ketua Wanita UMNO Bahagian Kuala Krau, Pahang, Allahyarham Senator Norahan Abu Bakar dan waris Ketua Wanita UMNO Muar, Allahyarham Ramlah Ismail.

Presiden UMNO juga menyampaikan Anugerah Ibu Terbaik Bangsa peringkat kebangsaan kepada bekas Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Zaleha Ismail.

Pada majlis berasingan, Najib menyampaikan Anugerah Ikon Wanita Muda kepada enam penerima yang cemerlang dalam pelbagai bidang, termasuk atlet boling padang, Emma Firyani Saroji (sukan), Nur Zalikha Mohd Sabri (keusahawanan) dan Dr Aizan Sofia

Amin (kajian dan penyelidikan).

Selain itu, Datuk Hanimzah Jalaludin (agama) dan Shariffah Mariam Syed Abdullah atau lebih dikenali Sherry Alhadad (seni). Ahli Jawatankuasa Puteri UMNO Rompin, Wan Noraini Zainuriah yang juga orang kurang upaya (OKU) diberikan Anugerah Khas atas kecemerlangannya dalam badminton.

Aizan Sofia, 34, pensyarah kanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang juga Duta Transformasi Nasional 2050 (TN50) menamatkan pengajian doktor falsafah (PhD) Pengajian Orang Kelainan Upaya (OKU) di Universiti Glasgow, United Kingdom.

"Saya disahkan menghidap kanser tulang ketika usia 14 tahun sebelum kaki kanan dipotong dua tahun kemudian bagi mengelakkan sel kanser terus merebak," kata anak kelahiran Puchong, Selangor ini sambil mengakui berdepan tekanan selepas kakinya dipotong.

Najib turut menyampaikan hadiah kepada tiga bahagian Puteri UMNO di Terengganu, iaitu Kuala Nerus, Kuala Terengganu dan Marang yang berjaya menambah keanggotaan wanita muda dalam sayap itu.

Fakta nombor

RM10,000 HADIAH
Anugerah Ibu Terbaik Bangsa



Sharmila dan Nurul Shameen bersama sijil dan replika hadiah dimenangi Allahyarham ibu mereka di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

"Bukan mudah untuk kami datang sebab di mana-mana dalam dewan ini teringat mak," kata Datin Nur Sharmila Shaheen.

Sambil menahan sebak ketika tampil menerima Anugerah Ibu Terbaik Bangsa bagi pihak ibunya, Allahyarham Datuk Dr Maznah Hamid, Nur Sharmila, 37, berkata suasana dalam Dewan Tun Dr Ismail itu mencetuskan pelbagai kenangan terhadap Allahyarham.

Anugerah berkenaan sempena Perhimpunan Agung UMNO 2017 disampaikan sendiri oleh Datuk Seri Najib Razak, semalam. Setiap penerima anugerah menerima sumbangan RM10,000 berserta sijil penghargaan.

Nur Sharmila yang ditemani dua adiknya, berkata mereka sekeluarga terharu dan berterima kasih